

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan ketika telah memenuhi persyaratan. Zakat harus diagihkan kepada lapan asnaf sebagai orang-orang yang berhak menerimanya sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan yang (datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Tawbah (9): 60.

Konsep zakat sebagai satu bahagian dari rukun Islam merupakan salah satu cara dalam membangun ekonomi masyarakat lemah, dimensi zakat tidak hanya bersifat ibadah ritual sahaja, tetapi juga merangkumi dimensi sosial, ekonomi, keadilan dan kesejahteraan.¹ Satu dari matlamat utama zakat ialah mencipta perbezaan ekonomi yang adil dan saksama di kalangan orang ramai supaya orang-orang kaya tidak akan menjadi lebih kaya dan orang miskin menjadi semakin miskin. Rasulullah SAW telah

¹ Widyani Rochmatin (2007), "Peranan Strategis Zakat Dalam Membangun Ekonomi Makro Umat Islam di Indonesia", <http://www.rumahzakat.org>, 4 November 2009.

menggambarkan zakat sebagai wang yang diambil daripada orang-orang kaya yang dipulangkan kepada orang-orang miskin. Matlamatnya ialah untuk mengagihkan kekayaan kepada masyarakat supaya tidak ada umat Islam yang tinggal dalam kemiskinan dan penderitaan.²

Zakat adalah ibadah yang berkaitan dengan harta. Pelaksanaannya adalah ditentukan oleh institusi ‘*amil*’ yang ditugaskan untuk itu, kerana berkurangnya kemiskinan sangat ditentukan oleh keprofesionalan sesebuah institusi zakat.³ Masalah penting yang mesti diambil kira dalam pengurusan zakat adalah ‘*amil*’ zakat, kerana ‘*amil*’ ini penentu keberhasilan pembangunan zakat. ‘*Amil*’ zakat memiliki fungsi yang luas yang mencakup tugas-tugas sebagai pemungut, pengedar, penyelaras, penggerak, pengawas dan penilai. Berfungsinya ‘*amil*’ zakat secara optimum dengan pengagihan zakat secara profesional, akan memperoleh hasil yang maksimum pula, berkesan dan cekap serta terwujudnya destinasi kewajipan zakat.⁴

Baitul Mal merupakan salah satu institusi dalam sesebuah negara Islam yang tugas utamanya adalah menerima, memungut, menyimpan, dan mengagihkan zakat (wang negara) mengikut ketentuan syariat.⁵ Ringkasnya, Baitul Mal sebagai tempat (*al-makan*) untuk menyimpan dan mengurus segala macam harta yang menjadi pendapatan negara.⁶

² Afzal ur Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*, v. 3, c. 2. Lahore: Islamic Publication Ltd, h. 185.

³ Amir Hamzah (2009), “Masa depan Zakat Indonesia: Studi Kasus Zakat Sebagai Instrumen Pembangunan Daerah di Lebak”, (Makalah yang disampaikan pada acara Wisuda *The Indonesia Magnificence of Zakat* (IMZ), Jakarta, 28 Oktober 2009).

⁴ Abdurrahman Qadir (2001), *Zakat Dalam Dimensi Mahdah dan Sosial*, e. 1, c. 2. Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 109.

⁵ M. Shiddiq Al Jawi (2005), “Baitul Mal Tinjauan Historis dan Konsep Idealnya”, <http://www.khilafah1924.org>, 25 Oktober 2009.

⁶ Abdul Qadim Zallum (1983), *al-Amwal fi Daulah al-Khilafah*, c. 1. Beirut: Darul Ilmi Lil Malayin, h. 54.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kewujudan Baitul Mal di Aceh (BMA) merupakan bahagian daripada pelaksanaan Undang-undang Republik Indonesia Nombor 11 Tahun 2006 yang mengatur tentang Pemerintahan Aceh, disebutkan bahawa “Zakat, harta wakaf, dan harta agama adalah dalam kawalan BMA dan Baitul Mal Negeri”.⁷ Di antara program yang memberikan keberkesanan langsung terhadap peningkatan ekonomi masyarakat miskin di BMA adalah pengagihan zakat produktif melalui Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP), yang diagihkan dalam bentuk modal usaha produktif atau modal berpusing (*revolving fund*).⁸

Untuk kejayaan pengurusan zakat di Aceh, ianya haruslah dapat membantu masyarakat miskin (dhuafa), dan menukar *mustahik* untuk menjadi *muzakki*. Maka ada dua komponen penting yang selari dan saling melengkapi satu sama lainnya. *Pertama*, kerajaan sebagai pengatur dan *kedua* Baitul Mal sebagai pelaku yang harus mendapatkan kepercayaan masyarakat.⁹ Pembangunan zakat di Aceh telah membabitkan pihak masyarakat dan kerajaan, maka keberterusan aktiviti Baitul Mal sangat dipengaruhi oleh kebolehan mewujudkan program-program yang berkesan dalam pembangunan masyarakat miskin. Memandang begitu besar keperluan dan besarnya potensi pentadbiran dana zakat di Aceh, sudah selayaknya diperlukan strategi dari institusi pelaksana zakat dalam mengoptimumkan pengurusan dana zakat sebagai dana umat untuk menyokong pembasmian kemiskinan.

⁷ Republik Indonesia (2006), *Undang-undang Republik Indonesia Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh*, Banda Aceh: Jabatan Informasi dan Komunikasi Provinsi Aceh.

⁸ Profil Badan Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal-aceh.com>, 25 Oktober 2009.

⁹ Muhammad Yasir Yusuf (2007), “Baitul Mal & Masa Depan Zakat Aceh”, (Artikel Aceh Institute), <http://www.acehinstitute.org>, 4 November 2009.

1.3 Permasalahan Kajian

Islam memandang kemiskinan suatu hal yang boleh membahayakan bagi aqidah, akhlak, akal, keluarga dan masyarakat. Apabila kemiskinan sudah mendominasi kehidupan seseorang, sangat mungkin ia akan terjerumus kepada kemiskinan yang *mansiyyan* iaitu mampu membuatnya lupa kepada Allah dan juga kemanusiaannya, sebagaimana kekayaan yang akan menjadi *matgiyyan* iaitu mampu membuat seseorang dhalim baik kepada Allah mahupun kepada manusia lainnya.¹⁰ Untuk itu, dalam surat al-Tawbah ayat 60 dengan jelas disebutkan ke mana arah penggunaan dana pengumpulan hasil zakat, iaitu salah satunya untuk mengatasi kemiskinan. Dari hadith Nabi SAW bahkan zakat fitrah secara khusus dipastikan untuk disampaikan pada masyarakat miskin. Beberapa penunjuk Nabi, bahawa zakat dikumpulkan daripada orang kaya untuk diagihkan bagi orang miskin. Dengan perkataan lain, kewajipan zakat benar-benar diprioritikan pada upaya untuk mengatasi kemiskinan. Atau upaya untuk menanggulangi kemiskinan secara berkelanjutan adalah merupakan salah satu kriteria kesaksian Islam.¹¹

Adanya arahan untuk mengatasi kemiskinan secara pasti adalah sangat berguna kerana beberapa alasan seperti yang dilaporkan Bank Dunia, sekarang ini masalah kemiskinan benar-benar telah menghimpit dunia. Hampir semua dana program untuk mengatasi kemiskinan di Asia, Afrika, Eropah Timur dan Amerika Syarikat “tidak sampai” ke masyarakat miskin. Dana tersebut “habis dibelanjakan” di tingkat elit tertentu dan pihak “orang kaya” yang terikat dengannya. Selain itu, kondisi dunia sekarang ini sedang menderita “krisis kemiskinan” yang belum terlihat akan dapat

¹⁰ Armiaadi (2008), *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret & Praktek Baitul Mal Aceh)*, c. 1. Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. 143.

¹¹ *Ibid.*, h. 71.

diatasi. Masalah kemiskinan tidak sahaja mencemaskan bagi negara-negara miskin dan belum membangun, tetapi juga telah membawa kekhuatiran bagi negara-negara kaya. Sudah selayaknya mengutamakan penanganan kemiskinan sebagai majoriti rakyat pada asasnya membangun secara kuat landasan ekonomi pasar. Jika pendapatan masyarakat miskin meningkat, itu bererti juga sangat menguntungkan golongan ekonomi kuat yang pada umumnya juga sebagai produsen. Jika daya beli masyarakat miskin meningkat, maka pasar meluas sehingga permintaan barang akan meningkat yang pada akhirnya akan diikuti dengan peningkatan pengeluaran untuk memenuhi permintaan pasar. Di samping itu, dengan upaya peningkatan pendapatan masyarakat miskin secara terus menerus akan berkesan terhadap pemenuhan ekonomi masyarakat sehingga ekonomi bangsa akan menjadi lebih kuat.¹²

Untuk itu, peranan institusi zakat untuk menyelesaikan permasalahan sosial khususnya masalah kemiskinan sangat diharapkan di mana kemiskinan ini semakin hari semakin bertambah. BMA adalah merupakan satu-satunya institusi rasmi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Aceh berdasarkan undang-undang untuk mentadbir zakat, harta wakaf dan harta-harta yang lain. Sebagai institusi yang bertugas untuk mengurus dana umat ini, tentunya memiliki tanggungjawab untuk pembangunan masyarakat miskin khususnya di Aceh dalam meningkatkan keperluan ekonominya.

Di antara usahawan yang memerlukan modal usaha adalah masyarakat miskin sehingga mereka kerap mengalami kesukaran dalam menggerakkan industri kecilnya. Akibatnya skala pengeluaran perusahaan kecil itu serta pendapatan yang mereka

¹² Sahri Muhammad (2006), *Mekanisme Zakat Dan Permodalan Masyarakat Miskin*. Malang: Bahtera Press, h. 45.

hasilkan adalah relatif kecil. Inilah yang membuat para usahawan tersebut hidup dalam kondisi "seadanya" sekadar untuk mempertahankan hidupnya.

Dari segi lain pula, para usahawan ini sukar untuk mendapatkan agihan permodalan dari institusi kewangan (khususnya bank). Mereka dianggap tidak memenuhi kelayakan dalam mentadbir permodalan perbankan. Perkara semacam ini yang menyebabkan terjadinya jarak antara institusi kewangan (bank) sebagai pemberi kredit dengan masyarakat miskin yang memerlukan kredit. Para usahawan ini belum tersentuh oleh perkhidmatan kredit dari institusi-institusi kewangan, yang pada akhirnya mereka mencari tambahan modal ke institusi *non formal*, sehingga mereka pun terjebak dalam praktikal riba (*moneylender*). Para pemberi pinjaman wang ini, meminjamkan modal usaha dengan faedah yang sangat tinggi. Hal inilah yang akan menciptakan ketidakmampuan para usahawan kecil untuk menggerakkan industrinya kerana hasil daripada perusahaannya itu hanya habis untuk membayar faedah kepada pemberi pinjaman wang.

Untuk mengetahui sejauh mana BMA mengatasi persoalan-persoalan di atas dalam pembangunan industri kecil ini, salah satunya dapat dilihat dari peranan pembangunannya, sebagai institusi yang mengendalikan harta agama, BMA dapat melihat bahawa pengagihan zakat produktif untuk pembangunan ekonomi masyarakat miskin merupakan satu tuntutan awam yang tidak dapat dielakkan dan sekalian ditujukan untuk memanfaatkan peluang yang sangat besar dari potensi ekonomi yang dimiliki oleh Aceh. Kewujudan BMA merupakan suatu pilihan, di mana masyarakat miskin dapat memperoleh pelbagai kemudahan dan manfaat melalui pembangunan yang dilakukan oleh BMA.

Selama enam tahun terakhir, BMA terus berupaya memaksimumkan peranannya dalam membantu pembangunan masyarakat miskin. Salah satu program nyata yang ditunjukkan oleh BMA adalah menyediakan kemudahan dalam pengagihan modal di kalangan usahawan kecil melalui agihan zakat produktif. Hal ini selain ditujukan untuk membantu permodalan kepada usahawan kecil, juga dapat memaksimumkan peranan dan fungsi BMA itu sendiri. Berdasarkan kepada persoalan kajian di atas, maka yang menjadi masalah utama dalam penyelidikan ini adalah *bagaimana peranan Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil?*

1.4 Persoalan Kajian

Kewujudan BMA bermula dari awal penubuhannya hingga sekarang, dilihat telah memberi perhatian yang besar untuk berusaha meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat miskin. Bagi merealisasikan matlamat tersebut salah satu caranya adalah dengan pengagihan zakat produktif kepada usahawan (*mustahik*) untuk di kembangkan. Oleh itu, penyelidikan ini akan mengkaji sejauh mana peranan BMA dalam pembangunan industri kecil, dan dapat dirumuskan dalam beberapa rumusan persoalan berikut:

- 1) Bagaimana penggunaan dana zakat dalam Islam dan konsep pembangunan industri kecil di Baitul Mal Aceh?
- 2) Bagaimana mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif daripada Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil?
- 3) Adakah pengaruh agihan modal usaha zakat produktif oleh Baitul Mal Aceh terhadap pendapatan usahawan asnaf?

- 4) Apakah kekuatan, kelemahan, peluang, dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil?
- 5) Apakah strategi dan penyelesaian alternatif Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil?

1.5 Objektif Kajian

Matlamat utama dalam penyelidikan ini adalah untuk menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam permasalahan kajian di atas, adalah sebagai berikut:

- 1) Mengenal pasti pola penggunaan dana zakat dalam Islam dan konsep pembangunan industri kecil di Baitul Mal Aceh;
- 2) Mengkaji mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif daripada Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil;
- 3) Menganalisis pengaruh agihan modal usaha zakat produktif oleh Baitul Mal Aceh terhadap pendapatan usahawan asnaf;
- 4) Menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang, dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil; dan
- 5) Mengemukakan strategi dan penyelesaian alternatif Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan gambaran umum yang lebih jelas tentang peranan Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil.

Selain tujuan umum di atas, secara khusus kajian ini bertujuan:

- 1) Memberikan gambaran yang jelas dan benar tentang penggunaan dana zakat dalam Islam dari perspektif fiqah klasik;
- 2) Memberikan konsep yang jelas tentang pembangunan industri kecil di Indonesia dan kaitannya dengan peranan institusi Baitul Mal sebagai penyokong dalam penyediaan modal usaha zakat produktif kepada usahawan asnaf khususnya di Aceh;
- 3) Menganalisis mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif yang diagihkan oleh Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil;
- 4) Mengkaji secara jelas seberapa jauh peranan Baitul Mal Aceh menggunakan dana zakat produktif terhadap pembangunan industri kecil sekaligus mengkaji ulang format atau pola penggunaan dana produktif; dan
- 5) Mengidentifikasi dan merumuskan strategi yang memiliki asas dan fakta dalam menentukan posisi institusi Baitul Mal Aceh dalam konteks kewujudannya di persekitaran *external* dan *internal* Baitul Mal Aceh guna meningkatkan peranannya dalam upaya pembasmian kemiskinan di tengah-tengah masyarakat Aceh melalui program pembangunan industri kecil melalui agihan modal usaha zakat produktif.

Hasil penyelidikan ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat untuk menambah khazanah perkembangan ilmu pengetahuan di bidang ilmu ekonomi Islam khususnya ekonomi zakat. Tidak menutup kemungkinan, seiringan tuntutan zaman, realiti sosio-ekonomi dan kemajuan di bidang pendidikan, memerlukan kajian yang komprehensif dan mendalam bagi merumuskan kerangka teori dan kerangka praktikal penyelenggaraan institusi zakat khususnya di Aceh dan umumnya di Indonesia serta di mana-mana institusi zakat lainnya.

Hasil penyelidikan ini juga diharapkan berguna sebagai penggerak pengetahuan ilmiah di bidang ekonomi Islam, khususnya ekonomi zakat dalam pembangunan usahawan industri kecil di kalangan masyarakat miskin. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat menarik minat penyelidik-penyelidik yang lain untuk mengkaji lebih mendalam lagi mengenai peranan institusi zakat dalam menggunakan dana zakat produktif untuk pembangunan industri kecil di kalangan usahawan asnaf.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Pada asasnya telah banyak kajian dan penulisan mengenai pembangunan zakat yang telah dikaji di serata tempat. Misalnya kajian yang dilaksanakan di Malaysia telah dibuat oleh Nor Ghani Md. Nor bersama dengan Abdul Razak dan Mohd Ali Noor.¹³ Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor kejayaan perusahaan mikro yang telah dibiayai melalui dana zakat. Data-data diperoleh dari 127 orang responden yang menerima bantuan modal dari pejabat zakat di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Model regresi logistik telah digunakan untuk menguji pengaruh beberapa faktor kebarangkalian kejayaan. Faktor tersebut dipilih berasaskan teori-teori dan kajian empirik terdahulu mengenai perusahaan mikro yang dibiayai secara konvensional. Hasil dari analisis ekonometrik menunjukkan faktor gender, umur, bilangan lawatan penyelia projek dan pengalaman lalu adalah ketara dalam menentukan kejayaan projek yang dijalankan.

¹³ Nor Ghani Md. Nor, Abdul Razak dan Mohd Ali Mohd Noor (2002), "The Contribution Of Zakat as an Income Creating Asset in Selangor and Wilayah Persekutuan, Malaysia", *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, vol. 36, h. 75-78.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Patmawati Bte Ibrahim,¹⁴ “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal”. Kajian ini merupakan kajian empirik yang membandingkan keputusan kerja-kerja empirik daripada kajian sebelumnya, yang membuktikan bahawa pengagihan zakat berjaya mengurangkan jurang pendapatan. Selain itu, keupayaan pengagihan zakat dalam pembangunan ekonomi umat, pandangan teoretis mengenai peranan positif dalam menghadapi pengagihan zakat masalah ekonomi sosial dalam masyarakat Islam melalui pengagihan semula pendapatan, yang mengarah pada pengurangan jurang pendapatan dan pembasmian kemiskinan. Artikel ini kemudian mencadangkan memerlukan pelan dan tindakan yang komprehensif untuk memastikan keberkesanan agihan zakat dalam meningkatkan ekonomi umat Islam. Pelan tindakan yang komprehensif perlu kerjasama dan komitmen yang serius daripada ketiga-tiga parti penting, iaitu institusi zakat, penerima zakat, dan kerajaan.

Terdapat pula sumber-sumber lain yang berupa kajian para pakar zakat dalam ‘muzakarah pakar zakat’, di antaranya: kajian yang dibuat oleh Abu Sufian bin Abu Bakar, “Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan”. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat peranan yang dimainkan oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan melalui program agihan zakat serta keberkesanannya dari segi bantuan perniagaan. Satu kaji selidik telah dijalankan ke atas penerima bantuan perniagaan dari Baitulmal. Hasil kajian mendapati bahawa profil penerima bantuan menunjukkan terdapat persamaan dengan profil kemiskinan seperti, bilangan rumah yang ramai, rumah yang kurang selesa, umur yang agak lanjut, tahap pendidikan dan latihan yang rendah, sumber pendapatan yang terhad dan sebagainya.

¹⁴ Patmawati Hj Ibrahim (2008), “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal”, *Jurnal Syariah*. Jil. 16 Bil. 2, h. 223-244.

Majoriti responden adalah berasal dari luar Kuala Lumpur yang umumnya mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Kebanyakan responden tidak bersekolah disebabkan kehidupan ibu bapa mereka yang miskin dan kurang berpendidikan. Bantuan yang diterima telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Jenis perniagaan yang diceburi tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Mereka yang berpendidikan rendah kurang berjaya berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Hasil kajian mendapati agihan zakat berupa program bantuan dalam bentuk perniagaan telah berjaya menambahkan pendapatan responden dan sekali gus mengeluarkan sebahagian dari mereka dari garis kemiskinan.¹⁵

Dalam ‘muzakarah pakar zakat’ yang sama pula terdapat kajian yang dibuat oleh Zainal Abidin Jakfar,¹⁶ “Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. Penekanan dalam kajian ini adalah dasar agihan berpandukan pada dua asas iaitu keutamaan agihan diberikan kepada asnaf yang disepakati dan kepada asnaf yang lain. Kemudian dijelaskan tentang objektif pengurusan agihan zakat dan ciri-ciri sistem agihan yang berperancangan, mempunyai sistem yang terkawal, menepati hukum Islam, ringkas dan berkesan serta telus dan seragam.

Seterusnya Disertasi yang ditulis oleh Adibah Abdul Wahab,¹⁷ beliau mengkaji mengenai: “Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangkan Masalah Kemiskinan Bandar:

¹⁵ Abu Sufian bin Abu Bakar (2002), “Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan”, (Kertas Kerja, Muzakarah Pakar Zakat, Bangi, 21-22 Disember 2002, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 1.

¹⁶ Zainal Abidin Jakfar (2002), “Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, (Kertas Kerja, Muzakarah Pakar Zakat, Bangi, 21-22 Disember 2002, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 1-6.

¹⁷ Adibah Abdul wahab (2008), “Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangkan Masalah Kemiskinan Bandar: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. iii & h. 100.

Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor”. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh institusi zakat untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data dan analisis data. Manakala hasil dari kajian ini beliau menyimpulkan bahawa selepas menerima bantuan zakat kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, jurang pendapatan dan tahap tekanan kemiskinan semakin berkurang.

Kajian-kajian yang pernah di buat di Indonesia, di antaranya kajian Anis Tyas Kuncoro¹⁸ dalam Disertasinya “Peranan LAZIS Baitul Makmur dan Penanggulangan Kemiskinan Di Desa Kepakisan Kecamatan Batur Kabupaten Banjarnegara”. Tujuan penyelidikan ini adalah menganalisis sampai seberapa jauh peranan Lembaga Amil Zakat (LAZ) dalam upaya pembasmian kemiskinan di wilayah pedesaan. Dan selanjutnya menganalisis peranan Lembaga Amil Zakat dalam menarik partisipasi masyarakat Muslim di desa untuk menunaikan ibadah zakat agar dapat dilaksanakan secara berterusan serta mengidentifikasikan dan merumuskan strategi yang memiliki dasar dan fakta dalam menentukan Lembaga Amil Zakat dalam konteks keberadaannya di lingkungan external dan internalnya guna meningkatkan peranannya dalam upaya pemberantasan masyarakat miskin di wilayah pedesaan.

Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan holistik sistematik, yakni gejala-gejala yang ada dalam sasaran penyelidikan dan terdiri dari unsur-unsur sosial, ekonomi dan budaya yang saling berkaitan dalam struktur fungsional. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan eksploratif yang memusatkan diri pada kajian mengenai peranan dan strategi pengembangan pengelolaan zakat dalam mengatasi kemiskinan di

¹⁸ Anis Tyas Kuncoro (2007), “Peranan LAZIS Baitul Makmur dan Penanggulangan Kemiskinan di Desa Kepakisan Kecamatan Batur Kabupaten Banjar Negara”, (Disertasi, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta), h. 8, & h. 15.

pedesaan. Teknik analisis data adalah teknik analisis data kualitatif. Dan guna untuk menunjukkan kualiti dan kualifikasi keberadaan LAZIS Baitul Makmur maka digunakan pendekatan kualitatif model *Matriks SWOT* yang dikembangkan oleh *Kearns* dan instrumen analisis SWOT secara kuantitatif yang dikembangkan oleh *Pearce* dan *Robinson* yang penyajiannya dilakukan secara kualitatif deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa LAZIS Baitul Makmur telah berhasil meningkatkan kesedaran berzakat, berinfaq dan bersedekah di kalangan masyarakat sehingga penghimpunan dana zakat dapat dilakukan secara maksimal. LAZIS Baitul Makmur berperanan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat fakir miskin dan juga sebagai penjana pembinaan yang berkeseluruhan di Wilayah Desa Kepakisan. Dengan bantuan yang diagihkan tersebut dinyatakan oleh responden adanya perubahan kalau dibandingkan dengan masa sebelum adanya Lazis Baitul Makmur. Berasaskan kepada hasil analisis SWOT, sama ada menurut perspektif Matriks Kearns mahupun Kuadran Pearce dan Robinson telah diketahui bahawa posisi eksisting LAZIS Baitul Makmur berada pada pertemuan isu strategi kekuatan dan peluang. Perlu diupayakan langkah yang matang dan rancangan ke arah reformasi zakat serta disosialisasikan di kalangan masyarakat untuk menggalakkan terciptanya kesejahteraan sosial dan berdikari ekonomi bagi *mustahik* melalui pembangunan sektor produksi.

Seterusnya Disertasi yang ditulis oleh Anggrahaeni Wiryanitri¹⁹ yang bertajuk “Peranan Badan Amil Zakat Dalam Upaya Mengubah Status Mustahik Menjadi *Muzakki* Menurut Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999”. Penyelidikan ini membincangkan peranan Badan Amil Zakat yang ditubuhkan oleh kerajaan dan Lembaga Amil Zakat yang ditubuhkan oleh masyarakat yang mempunyai tugas utama

¹⁹ Anggrahaeni Wiryanitri (2005), “Peranan Badan Amil Zakat Dalam Upaya Mengubah Status Mustahik Menjadi *Muzakki* Menurut Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999”, (Disertasi, Universiti Diponegoro, Semarang), h. x.

mengumpulkan, mengagihkan dan menggunakan dana zakat bersesuaian dengan panduan yang telah ditetapkan syarak. Dalam penggunaan dana zakat diutamakan untuk usaha produktif, ini bersesuaian dengan visi daripada zakat iaitu mengubah status *mustahik* untuk menjadi *muzakki* maka Badan Amil Zakat menggalakkan untuk berperanan aktif dalam mencapai visinya sehingga zakat dapat berdaya guna dan berhasil guna. Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami peranan Badan Amil Zakat dalam mengurus dana zakat untuk mengubah status *mustahik* menjadi *muzakki* dan untuk memahami kendala-kendala yang di hadapi oleh Badan Amil Zakat dalam upaya mengubah status *mustahik* menjadi *muzakki*. Metode penyelidikan yang digunakan adalah metode yuridis empiris. Penyelidikan ini memilih tempat pada Badan Amil Zakat Kabupaten Sragen. Dapatan dalam penyelidikan ini adalah Badan Amil Zakat Sragen telah dapat merealisasikan Undang-undang No. 38 Tahun 1999 tentang pengelolaan zakat, sama ada dalam usaha pengumpulan dana zakat, pengagihan dana zakatnya mahupun penggunaan zakat dalam upaya mengubah status *mustahik* menjadi *muzakki*.

Kajian lainnya yang dibuat oleh Qurratul ‘Aini Wara Hastuti²⁰ “Pengelolaan Zakat untuk Pembangunan Usaha Kecil: Kajian pada Badan Amil Zakat Daerah Provinsi Nusa Tenggara Barat”. Kajian ini membincangkan mengenai sistem pentadbiran zakat di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Nusa Tenggara Barat yang berasaskan kepada Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang pengelolaan zakat. Pengagihan dana zakat ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu secara langsung dan secara produktif kepada pengusaha kecil. Dalam kajian ini didapati bahawa pengagihan dana zakat kepada perusahaan kecil tidak bertentangan dengan Hukum Islam,

²⁰ Qurratul ‘Aini Wara Hastuti (2003), “Pengelolaan Zakat Untuk Pembangunan Usaha Kecil: Kajian Pada Badan Amil Zakat Daerah Provinsi Nusa Tenggara Barat”, (Disertasi, Universiti Diponegoro, Semarang), h. iv.

sebagaimana pendapat yang dikutip daripada Imam Shafi'i dan Nasa'i bahwa jika *mustahik* zakat memiliki kemampuan untuk berdagang, selayaknya diberikan modal usaha yang memungkinkannya untuk memperoleh keuntungan yang dapat memenuhi keperluan dasarnya. Demikian pula jika *mustahik* memiliki keterampilan tertentu, kepadanya boleh diberikan peralatan produksi yang sesuai dengan pekerjaannya. Jika *mustahik* tidak bekerja dan tidak memiliki keterampilan tertentu menurut Imam Syamsuddin Ar-Ramli, kepadanya diberikan jaminan hidup dari zakat, misalnya dengan cara ikut pelaburan pada perusahaan tertentu sehingga *mustahik* tersebut memiliki pendapatan dari pusingan zakat itu. Tujuan pengagihan dana zakat kepada perusahaan kecil ini, agar perusahaan kecil yang dijalankan oleh *mustahik* supaya dapat berubah atau meningkat untuk menjadi *muzakki*.

Kajian seterusnya yang dilakukan oleh Ayu Safira Purwanti²¹ “Analisis SWOT Dalam Upaya Pengembangan Badan Amil Zakat Nasional (Baznas)”. Kajian ini menganalisis Badan Amil Zakat Nasional (Baznas) di Jakarta, yang merupakan badan milik kerajaan berupaya mengumpulkan dana zakat yang ada di masyarakat. Untuk memperoleh kepercayaan dari masyarakat sebagai landasan bagi Baznas untuk menjalankan fungsinya, harus mampu menjadi institusi yang transparansi terhadap pelbagai aktiviti. Upaya meningkatkan imej Baznas yang kredibiliti harus terus menerus dilakukan baik melalui proses-proses internal mahupun external. Kajian ini menggunakan analisis SWOT untuk menetapkan strategi yang tepat untuk pengembangan Baznas di masa yang akan datang. Analisis SWOT yang digunakan adalah pendekatan Pearce & Robinson, Kearns yang akan menghasilkan strategi masing-masing. Dan untuk memperoleh strategi yang baik dari kombinasi kedua

²¹ Ayu Safira Purwati (2004), “Analisis SWOT Dalam Upaya Pengembangan Badan Amil Zakat Nasional (Baznas)”, (Disertasi, Ekonomi Syariah Program Kajian Timur Tengah dan Islam, Universiti Indonesia, Jakarta), h. vi.

pendekatan tersebut digunakan pendekatan *Wright, Kroll* dan *Parnell*. Dari hasil analisis SWOT, *Pearce* dan *Robinson* memberikan rekomendasi strategi agresif dan pendekatan *Kearns* memberikan rekomendasi strategi *competitive advantage*, untuk memperoleh strategi terbaik maka *Wright, Kroll* dan *Parnell* memberikan rekomendasi terbaik untuk Baznas adalah strategi pertumbuhan internal.

Kajian lainnya yang ditulis oleh Ismail²² “Zakat Produktif: Sistem Alternatif Dalam Pembasmian Kemiskinan di Indonesia”. Penekanan dalam kajian ini adalah pembahasan tentang sistem zakat produktif. Sistem zakat produktif lebih memungkinkan untuk mewujudkan tujuan utama dari kewajiban zakat itu sendiri yaitu membasmi kemiskinan dari umat Islam. Sistem zakat produktif juga diharapkan para *mustahik* yang memiliki kemampuan keusahawanan dapat meningkatkan status sosialnya menjadi bukan lagi *mustahik, munfiq*, bahkan *muzakki* sehingga mereka tidak menggantungkan hidupnya secara terus menerus kepada harta zakat. Salah satu faktor utama yang menyebabkan Indonesia lambat bangkit dari krisis moneter adalah lemahnya produk domestik. Barang-barang ekonomi seperti gula, beras, makanan ayam, haiwan ternak, dan lain-lain ternyata tidak sedikit yang diimport dari luar, padahal barang-barang tersebut masih boleh diusahakan pengadaannya melalui peningkatan produksi domestik. Dan pengeluaran domestik baharu boleh menjadi kuat apabila disokong oleh perekonomian rakyat kalangan menengah ke bawah. Dari sumber daya manusia rakyat Indonesia mempunyai kemampuan untuk itu. Hanya sahaja, sumber daya manusia tersebut baharu boleh terbentuk dalam hasil yang nyata apabila disokong dengan penyediaan modal.

²² Ismail (2005), “Zakat Produktif: Sistem Alternatif dalam Pembasmian Kemiskinan di Indonesia”, (Disertasi, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta), h. vii-viii.

Sehubungan dengan itu, zakat produktif boleh menjadi alternatif dalam pembasmian kemiskinan di Indonesia. Keberkesanan yang terdapat dalam zakat produktif dibandingkan dengan perbankan ataupun dengan perbankan syariah, ia lebih memberikan peluang kepada penduduk miskin untuk membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Zakat produktif adalah potensi yang luar biasa yang belum dipergunakan secara baik. Potensi tersebut hanya boleh menjadi kekuatan ekonomi kerakyatan apabila semua elemen rakyat Indonesia yang majoriti Muslim, terutama kerajaannya memberikan perhatian serius dengan kebijakan-kebijakan strategi dan kondusif.

Kajian yang dijalankan oleh Mila Sartika²³ yang mengkaji tentang “Pengaruh Penggunaan Zakat Produktif Terhadap Pembangunan Mustahik”. Penyelidikan ini berasaskan hasil kajian lapangan yang menggunakan metode kuantitatif dan analisis statistik. Kajian ini menemukan pengaruh yang ketara antara jumlah dana yang diagihkan terhadap pendapatan *mustahik* dengan jumlah dana (zakat) yang diagihkan benar-benar mempengaruhi pendapatan *mustahik*, dengan kata lain semakin tinggi dana yang diagihkan maka akan semakin tinggi pula pendapatan *mustahik*. Berdasarkan hasil analisis pendapatan dari variabel jumlah dana zakat yang diagihkan dan variabel pendapatan *mustahik* ditemukan besarnya pengaruh variabel jumlah dana zakat yang diagihkan terhadap pendapatan *mustahik* sebesar 10.2 %, yang bererti sebesar 89.8 % dari pendapatan *mustahik* dipengaruhi oleh faktor lain. Selain itu dari hasil uji parsial yang telah dilakukan dapat diketahui bahawa koefisien konstanta (b) dan koefisien variabel X (dana yang diagihkan) sama-sama mempunyai pengaruh terhadap pendapatan *mustahik*.

²³ Mila Sartika (2008), “Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Surakarta”, *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, Vol. 2, No. 1, Julai 2008, h. 75-89.

Kajian lainnya yang dibuat oleh Hertina²⁴ tentang “Pembangunan Ekonomi Masyarakat Melalui Zakat” (Studi tentang Upaya Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Daerah Kampar dalam Menghimpun dan Menguruskan). Inti pati dapatan dalam penyelidikan ini adalah bagaimana kesedaran masyarakat daerah Kampar untuk membayarkan zakat melalui BAZDA daerah Kampar, dan usaha-usaha BAZDA dalam menghimpun dana zakat dan pengagihannya. Penulis artikel ini tidak menyebutkan metode penyelidikannya secara jelas, hanya sahaja menyebutkan bahawa penyelidikannya terfokus kepada BAZDA, dan untuk kepentingan ilmu pengetahuan dan masyarakat umum. Hasil kajian menyimpulkan bahawa untuk kemudahan masyarakat diwajibkan membayar zakat melalui Badan Amil Zakat (BAZ) sehingga hasil tersebut diagihkan kepada yang layak sehingga dapat meningkatkan keadaan ekonomi dan sosial masyarakat. Sehingga kesedaran masyarakat untuk membayar zakat terus meningkat dan BAZDA daerah Kampar mampu mengagihkan dana umat sesuai dengan ketentuan syarak dan Undang-undang di Indonesia. Dapat membina dan membimbing umat dalam rangka pelaksanaan zakat, infak dan sedekah serta melakukan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti pungutan zakat dan kualiti pengurusan zakat.

Selanjutnya penyelidikan yang dilakukan oleh Armiadi Musa Basyah,²⁵ yang mengkaji tentang: “Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin”. Dalam kajian ini, dapatan yang ditemui adalah, *pertama*, pentadbiran zakat yang diurus oleh Baitul Mal dengan struktur

²⁴ Hertina (2008), “Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Melalui Zakat (Studi Tentang Upaya Bazda Kabupaten Kampar Dalam Menghimpun Dan Mengelola)”, *Jurnal Hukum Islam*, Vol. viii, No. 2.

²⁵ Armiadi Musa Basyah (2008), “Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin”, (Tesis, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. iii.

organisasi yang khas dan berdikari, kuasa dan ketentuan hukum, serta akauntabiliti. *Kedua*, Ulama berbeza pandangan tentang teknik agihan zakat bagi lapan asnaf dan tidak terdapat nas yang tegas dari Nabi SAW yang mengharuskan zakat diagihkan secara sama rata atau tidak, secara konsumtif atau pengagihan modal (*produktif*) atau dengan pinjaman kebajikan (*qard al-hasan*). *Ketiga*, perkara permodalan dana zakat dalam bentuk aqad *qard al-hasan* dan *mudarabah* merupakan dari jenis *mu'amalah* yang hukumnya tidak ditunjuk terus oleh nas, tetapi diserahkan sepenuhnya kepada hasil *ijtihad* para ulama sebagai persoalan *ma'qul al-ma'na*. *Keempat*, profil *mustahik* zakat menunjukkan banyak persamaan dengan profil kemiskinan secara amnya. Dalam kajian ini juga ditemui bahawa majoriti responden adalah peniaga kecil, ramai dari mereka sebenarnya telah keluar dari garis kemiskinan, dan bantuan yang diterima telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Bentuk kajiannya ialah deskriptif, kualitatif dan eksploratif dengan membuat gambaran sebenar yang berlaku. Sementara pendekatan yang diguna pakai adalah pendekatan sosiologis, filosofis dan hukum. Adapun kesimpulan yang diambil dalam penyelidikan ini, adalah secara dalamannya terbukti dapat mengembangkan penghasilan *mustahik* dan bagi pembangunan sumber manusia, manakala secara luaran dapat menyelamatkan aqidah umat Islam dan meningkatkan perekonomian umat.

Kajian turut dilakukan pula oleh Zulfahmi Bustami,²⁶ beliau mengkaji tentang “Implikasi Positifikasi Hukum Zakat dalam Pembangunan Ekonomi Kerakyatan”. Dalam kajian ini beliau menemui bahawa undang-undang zakat tidak mempertimbangkan pertentangan positif hukum zakat itu sendiri sehingga tidak secara langsung memberi kepada pembinaan ekonomi kerakyatan yang terkandung dalam nilai

²⁶ Zulfahmi Bustami (2007), “Implikasi Positifikasi Hukum Zakat dalam Pemberdayaan Ekonomi Kerakyatan”, *Jurnal Hukum Islam*, Vol. viii, No. 6, h. 676-694.

etika zakat. Penulis artikel ini tidak menyebutkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Beliau menyimpulkan bahawa zakat yang ditadbir secara tersusun mampu mengatasi masalah kemiskinan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat. Sumber zakat perlu digali dan dikembangkan lagi, ianya berpotensi menyelesaikan persoalan kemiskinan dan pembangunan ekonomi. Zakat mesti diarahkan kepada usaha-usaha kecil yang diurus oleh majoriti umat, dalam hal ini adalah bidang pertanian. Dengan demikian zakat akan dapat memberi pengaruh dalam pembinaan ekonomi masyarakat.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Nurhikmah Binti Nursyam²⁷ tentang “Keberkesanan Agihan Zakat Modal dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin Daerah Pekan Baru, Riau: Kajian di Badan Amil Zakat Riau Indonesia”. Dapatan dalam kajian ini adalah kaedah agihan zakat secara langsung (konsumtif) yang diamalkan setakat ini kurang berkesan dalam meningkatkan ekonomi masyarakat miskin di daerah Pekan Baru. Penyelidikan ini berupa kajian lapangan, dan untuk pengumpulan data beliau menggunakan metode observasi, soal selidik dan temu bual. Hasil daripada kajian bahawa kaedah agihan zakat secara produktif atau zakat modal boleh meningkatkan ekonomi masyarakat miskin di daerah Pekan Baru Riau.

Terdapat pula kajian yang dilakukan di Bangladesh oleh Habib Ahmed,²⁸ beliau mengkaji tentang “*Zakah, Macroeconomic Policies, and Poverty Alleviation: Lessons from Simulations on Bangladesh*”. Kajian ini menerangkan peranan faktor-faktor makro

²⁷ Nurhikmah Binti Nursyam (2005), “Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin di Daerah Pekan Baru, Riau : Kajian di Badan Amil Zakat Riau Indonesia” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. iv dan 10.

²⁸ Habib Ahmed (2004), “Zakah, Macroeconomic Policies, and Poverty Alleviation: Lessons from Simulations on Bangladesh”, (Paper Project, Institute of Middle Eastern & Islamic Studies, School of Government & International Affairs, Durham University), h. 81-105, http://www.ibtra.com/pdf/article4_v4_n2.pdf, 25 Ogos 2009.

ekonomi dan zakat dalam mempengaruhi pengalihan pendapatan dan mengurangi kemiskinan. Beliau menyimpulkan bahawa zakat merupakan dasar ekonomi makro yang sangat kuat bagi meningkatkan pertumbuhan dan juga mengalihkan pendapatan serta mampu membasmi kemiskinan. Zakat harus dikumpulkan dan diagihkan, kesannya terhadap kemiskinan hanya akan ketara apabila semakin besar peratusan daripada hasil zakat digunakan untuk tujuan produktif. Beliau mencadangkan penyelidikan lebih lanjut pada pertukaran idea yang berkaitan dengan model pelaksanaan ketumbuhan zakat secara efektif yang digunakan untuk memerangi kemiskinan kontemporari.

Penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi lanjutan daripada kajian-kajian yang telah dilakukan di atas, sekalipun penyelidikan yang penulis lakukan ini tidak terdapat dalam artikel-artikel atau kertas kerja pengkaji-pengkaji lain. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan ini merupakan satu asas yang amat berguna untuk membantu penulis dalam melakukan penyelidikan ini.

1.8 Landasan Teori

Ada beberapa teori yang digunakan dalam penyelidikan ini sebagai landasan berfikir dan sebagai bahan analisis adalah sebagai berikut;

- 1) Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 60 sebagaimana telah disebutkan di atas merupakan perintah untuk mengalihkan zakat kepada asnaf yang lapan di antaranya adalah fakir dan miskin. Fakir dan miskin sangat memerlukan bantuan di mana zakat yang diagihkan kepada mereka dapat

meringankan beban ekonomi yang mereka rasakan. Dengan zakat mereka pula dapat memenuhi keperluan dasarnya seperti makanan, minuman, pakaian, dan tempat tinggal, keperluan biologinya seperti perkahwinan, keperluan fikiran dan rohani seperti buku-buku ilmu pengetahuan bagi yang memerlukannya. Dengan demikian orang-orang fakir dan miskin mampu berperanan dalam kehidupan, melaksanakan ketaatan kepada Allah.²⁹ Pada sisi lain, zakat yang diagihkan dapat memberikan motivasi fakir dan miskin untuk bekerja dengan penuh ketekunan – ketika mereka mampu untuk melakukannya – dan dapat memotivasikan mereka untuk memperoleh kehidupan yang lebih layak. Dengan tindakan ini masyarakat akan terlindungi dari penyakit kemiskinan, negara akan terpelihara dari penganiayaan dan kelemahan. Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab untuk mencukupi kehidupan orang-orang fakir.³⁰

- 2) Undang-undang Republik Indonesia No. 38 Tahun 1999 tentang pengurusan zakat, dalam bab V dan pasal 17 dinyatakan,³¹ bahawa hasil pungutan zakat diagihkan untuk *mustahik* sesuai dengan ketentuan agama. Pengagihan hasil pungutan zakat berasaskan kepada keperluan *mustahik* dan boleh digunakan dalam usaha produktif. Lebih lanjut dalam penjelasan fasal 16 dan 17 dinyatakan bahawa “*Mustahik* yang mendapat agihan zakat atau agihan zakat bukan dalam bentuk modal adalah di kalangan *mustahik* yang lapan. Dalam pelaksanaan pengagihan zakat secara langsung, terdapat penambahan bilangan penerimaan agihan zakat, iaitu mencakupi orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan dalam bidang ekonomi, dan sangat memerlukan bantuan,³² seperti

²⁹ ‘Ali Ahmad al-Jurjawi (1998), *Hikmah Tashri’ wa Falsafatuh*, j. 1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 110.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Republik Indonesia (1999a), *Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat*, fasal 16-17.

³² Republik Indonesia (1999b), *Keputusan Kementerian Agama Republik Indonesia No. 581/1999 tentang Pelaksanaan Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat*, bab V fasal 28.

anak yatim, orang yang sudah tua, orang cacat, pelajar yang sedang menuntut ilmu, pembinaan asrama, kanak-kanak terbiar dan mereka yang menghadapi bencana alam”.³³

3) Kanun Pemerintah Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal, pada bab IV fasal 29 dinyatakan bahawa “zakat dipergunakan untuk keperluan *mustahik*, baik yang bersifat produktif mahupun diagihkan secara langsung berasaskan ketentuan syariah”.³⁴

4) Pembinaan dan pembangunan industri kecil di kalangan usahawan. Usahawan sebagai seorang buruh yang unik, pencetus inovasi atau orang yang membawa perubahan atau pembaharuan dan juga seorang individu yang bertanggungjawab kepada pengeluaran, kreatif dan ‘*novelty*’ dalam kegiatan aktiviti ekonomi.³⁵

Sebagaimana dimaklumkan bahawa industri kecil mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi, kerana keperluan pekerja yang relatif lebih tinggi dan pelaburan yang lebih kecil, sehingga industri kecil lebih mudah menghadapi dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran. Hal ini menyebabkan industri kecil tidak terlalu terpengaruh dengan tekanan dari luar, di sebabkan ia hanya menggunakan pekerja dan bekalan tempatan sehingga mampu mengurangkan kos pengeluaran.³⁶ Untuk itu, pembangunan industri kecil dapat memberikan sumbangan pada kepelbagaian ekonomi dan perubahan struktur sebagai pra kondisi perkembangan ekonomi jangka panjang yang stabil dan berterusan. Di samping itu pula, peluang pekerjaan lebih tinggi dalam industri kecil berbanding dengan industri yang lebih besar.

³³ Republik Indonesia (1999c), *Penjelasan Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999*.

³⁴ Pemerintah Aceh (2007), *op. cit.*, bab IV fasal 29.

³⁵ J. Schumpeter (1951), “Change and Entrepreneur”, Richard V. Clemence (ed), *Essays of J. A. Schumpeter*. Reading, MA: Addison-Wesley, h. 225.

³⁶ Joko sutrisno dan Sri Lestari HS (ed.) (2006), “Kajian Usaha Mikro Indonesia”, *Jurnal Pengkajian Koperasi dan UKM*, No. 2, Th. 1.

1.9 Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan ini, pembahasan tentang metode penyelidikan meliputi skop kajian, definisi operasional, sumber data dan kaedah pengumpulan data, populasi dan kaedah pengambilan sampel serta kaedah analisis data;

1.9.1 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan BMA terhadap pembangunan masyarakat miskin yang bergerak dalam aktiviti keusahawanan di bawah program UPZP BMA. Tumpuan kajian ini membabitkan kelompok kawasan terpilih di dalam negeri Banda Aceh dan Aceh Besar. Terdapat beberapa program pembiayaan yang dilakukan oleh UPZP BMA yang termasuk dalam jenis industri kecil. Antaranya adalah sektor perniagaan, penternakan, pertanian dan sewa beli beca. Justeru itu, kajian ini akan melihat secara menyeluruh peranan BMA dalam pembangunan industri kecil. Dengan adanya program pembiayaan ini, peluang usahawan (*mustahik*) dapat membaiki pendapatan ekonomi keluarga mereka dan dapat mengembangkan perniagaan mereka kepada yang lebih baik. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada beberapa sesi temu bual dengan pihak pengerusi yang terlibat dalam pembangunan ekonomi *mustahik* seperti pengerusi BMA, manager UPZP BMA, pegawai-pegawai BMA dan beberapa responden daripada *mustahik* itu sendiri. Penyelidikan ini menggambarkan mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif, pengaruh agihan modal usaha tersebut, menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang, dan cabaran yang dihadapi oleh BMA serta strategi penyelesaian alternatif yang berkaitan dengan pembangunan industri kecil.

Untuk persampelan, penulis memilih responden *mustahik* yang mendapat agihan zakat produktif dalam sektor perniagaan, pertanian, penternakan dan sewa beli beca. Responden-responden ini nanti dapat memberikan maklumat yang berkaitan dengan peranan BMA terhadap pembangunan industri kecil. Untuk menyokong data primer dalam kajian ini, penulis akan menggunakan data *mustahik* penerima agihan zakat produktif daripada tahun 2006 hingga 2009. Data-data pada tahun 2006 hingga 2009 merupakan data-data lengkap yang dapat memberikan maklumat tentang penerima agihan modal usaha zakat produktif.

1.9.2 Definisi Operasional

Kajian ini bertajuk “Peranan Agihan Zakat Produktif Terhadap Pembangunan Industri Kecil di Baitul Mal, Aceh”. Penjelasan definisi operasional dalam penyelidikan ini adalah ditujukan untuk menghindari salah pentafsiran dalam memahami pembahasaan-pembahasan dalam penyelidikan ini sehingga dapat lebih mudah dicerna dan diikuti serta dapat memberikan sasaran yang tepat dan efektif dalam memetakan pembahasaan kajian. Adapun beberapa huraian definisi operasional dapat penulis senaraikan, adalah sebagai berikut:

1) Peranan (*role*)

Perkataan “Peranan” dalam Kamus Dewan diertikan sebagai bahagian daripada pekerjaan ataupun tugas.³⁷ Dalam Kamus Lengkap Bahasa Indonesia pula, perkataan

³⁷ Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan*, e. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 556.

peranan diartikan sebagai sesuatu yang menjadi bahagian dalam suatu peristiwa atau inti suatu perkara.³⁸ Peranan merupakan aspek yang dinamis dari kedudukan (status). Apabila seseorang yang melakukan hak dan kewajibannya sesuai dengan kedudukannya, maka dia menjalankan suatu peranan.

Analisis terhadap perilaku peranan dapat dilakukan melalui tiga pendekatan: (1) ketentuan peranan, (2) gambaran peranan, dan (3) harapan peranan. Ketentuan peranan adalah pernyataan formal dan terbuka tentang perilaku yang mesti ditampilkan oleh seseorang dalam membawa peranannya. Deskripsi peranan adalah suatu gambaran tentang perilaku yang secara aktual ditampilkan seseorang dalam membawakan peranannya, manakala harapan peranan adalah harapan orang-orang terhadap perilaku yang ditampilkan seseorang dalam membawakan peranannya.³⁹ Dalam penyelidikan ini yang dimaksudkan dengan peranan adalah perilaku institusi Baitul Mal Aceh dalam membawa peranannya terhadap pembangunan industri kecil melalui agihan zakat produktif.

2) Agihan Zakat Produktif

Sebelum kita membincangkan lebih mendalam tentang “Agihan Zakat Produktif”, terlebih dahulu kita mengenal pasti erti dari ketiga perkataan tersebut. Perkataan “agihan” berasal daripada kata “agih” secara umumnya bererti bahagi atau beri dan jika ditambahkan dengan akhiran ‘an’ menjadi agihan yang bererti apa yang diagihkan atau dibahagikan.⁴⁰ Istilah daripada “zakat produktif” menurut penulis sudah

³⁸ Hoetomo (2005), *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*. Surabaya: Mitra Pelajar, h. 381.

³⁹ Setia Budi (t.t.) “Tinjauan Pustaka”, <http://www.damandiri.or.id/file/>, 3 November 2009.

⁴⁰ Noresah Baharum *et al.* (eds.) (2007), *Kamus Dewan*, e. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

lebih dikenal oleh khalayak ramai. Perkataan “zakat” berasal daripada bahasa Arab secara umumnya bererti pertambahan. Berasaskan pengertian umum ini, ia kemudiannya digunakan bagi menunjukkan makna lain seperti cerdas, subur, jernih, berkat, kepujian, bersih dan lain-lain.⁴¹ Sebagai satu istilah dalam pengajian hukum Islam atau fiqah, zakat bererti mengeluarkan kadar tertentu dari harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya, sebagaimana yang ditentukan dalam al-Quran.⁴² Manakala perkataan “Produktif” adalah berasal daripada perkataan Inggeris “*productive*” yang bermaksud menghasilkan atau banyak menghasilkan. Ia juga diertikan sebagai menghasilkan sesuatu yang ada nilai ekonomi.⁴³ Dalam Kamus Bahasa Melayu Nusantara, perkataan produktif dimaksudkan berupaya atau mampu menghasilkan dalam jumlah yang besar. Ia juga diertikan sebagai memberikan hasil atau mendatangkan manfaat.⁴⁴ Sedangkan dalam Dwibahasa Kamus Pelajar Delta pula, perkataan produktif bermaksud banyak mendatangkan hasil.⁴⁵

Istilah “Zakat Produktif” dapat ditemui pula dalam undang-undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 mengenai Pengelolaan Zakat. Istilah ini dimaksudkan, sebahagian dana zakat dapat diagihkan dengan pola produktif, selain diagihkan secara langsung bagi keperluan harian *mustahik*. Zakat menjadi sumber dana pembangunan ekonomi fakir - miskin.⁴⁶ Dan dalam Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 juga menganut prinsip yang sama, bahawa zakat di Aceh dapat diagihkan dalam

⁴¹ Ibn Manzur al-Afriqi al-Masri (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 4. Beirut: Dar al-Fikr, h. 358-359.

⁴² Ibn Qudamah (1968), *al-Mughni*, j. 2. Kaherah: Maktabah al-Qahirah. h. 427. Lihat juga Muhammad al-Shirbini (1940), *al-Inaq’*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 195.

⁴³ Khalid M. Hussain (1979), *Kamus Dwibahasa Inggeris-Malaysia*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 959.

⁴⁴ Mahmud bin Bakry (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, c. 1. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, h. 2141.

⁴⁵ Lutfi Abbas (1988), *Dwibahasa Kamus Pelajar Delta*, c. 1. Selangor: Pustaka Delta Pelajar Sdn. Bhd., h. 556.

⁴⁶ Republik Indonesia (1999), *Undang-undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat*, <http://www.depag.go.id/file/dokumen/UU3899.pdf>, 19 April 2010.

bentuk produktif di antaranya pengagihan modal usaha kepada fakir - miskin.⁴⁷ Dengan demikian, “agihan zakat produktif” dapat diertikan zakat yang dibahagikan atau diberikan kepada masyarakat miskin sebagai modal untuk menjalankan suatu aktiviti ekonomi untuk mencipta pembangunan tingkat ekonomi dan potensi produktiviti *mustahik*.⁴⁸

3) Pembangunan

Perkataan pembangunan berasal dari kata ‘bangun’ yang bererti bangkit dan berdiri, pembangunan iaitu proses (perihal, perbuatan) membangun atau membangunkan.⁴⁹ Demikian pula dalam Kamus Dewan dan Kamus Bahasa Malaysia pembangunan adalah perihal membangun, proses membangun, perbuatan atau cara membangun sesuatu (mencapai kemajuan, perkembangan), usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan.⁵⁰ Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan pembangunan adalah upaya institusi Baitul Mal Aceh dalam menggerakkan atau memajukan dan mengembangkan industri kecil di Aceh.

4) Industri Kecil

Dalam Undang-undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2008 disebutkan;⁵¹ “Industri kecil merupakan industri produktif milik perseorangan atau

⁴⁷ Pemerintah Aceh (2007), *Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal*, <http://acehprov.go.id/images/stories/file/Kanun>, 19 April 2010.

⁴⁸ Abdurahman Qadir (2001), *op. cit.*, h. 165.

⁴⁹ Mahmud bin Bakry (ed.) (2003), *op. cit.*, h. 226.

⁵⁰ Noresah Baharum *et al.* (eds.) (2007), *op. cit.*, h. 123. Lihat juga Khalid Muhammad Hussain *et al.* (1987), *Kamus Bahasa Malaysia*, e. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajar Malaysia, h. 35.

⁵¹ Republik Indonesia (2008), *Undang-undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2008 tentang Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah*, <http://pkbl.bumn.go.id/file>, 3 November 2009.

industri perseorangan yang memenuhi kriteria industri kecil. Penubuhan ini bertujuan untuk memajukan industri kecil dalam rangka pembangunan ekonomi nasional, mewujudkan struktur ekonomi nasional yang seimbang, berkembang dan adil. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menggerakkan industri menjadi kukuh dan berdikari. Sekaligus dapat meningkatkan peranan usahawan kecil dalam membangunkan daerah, mencipta peluang pekerjaan, pendapatan yang setara, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, dan membasmi kemiskinan dalam masyarakat”.

Selanjutnya dalam fasal enam Bab IV Undang-undang yang sama, dinyatakan industri kecil mempunyai dua kriteria; *pertama*, memiliki kekayaan bersih paling besar Rp 50,000,000.00 (lima puluh juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan; *kedua*, memiliki hasil penjualan tahunan paling banyak Rp 300,000,000.00 (tiga ratus juta rupiah), kriteria nilai nominal dapat diubah sesuai dengan perkembangan ekonomi yang diatur dengan Peraturan Presiden.⁵² Industri kecil yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah industri yang dikembangkan oleh Baitul Mal Aceh untuk pembangunan ekonomi masyarakat miskin. Dari sebahagian masyarakat miskin ini adalah pengusaha industri kecil yang selanjutnya disebut usahawan asnaf. Para *mustahik* ini akan mendapatkan agihan modal yang diambil dari bahagian asnaf miskin untuk dipergunakan secara produktif.

1.9.3 Sumber Data dan Kaedah Pengumpulan Data

Ada dua acuan data dalam yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu *pertama*, adalah data sekunder, yang diperoleh dari hasil kajian kepustakaan, baik

⁵² *Ibid.*

berupa dokumen bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas kerja, jurnal, akhbar, majalah, laman web mahupun data angka yang memungkinkan dan bahan-bahan tertulis lainnya serta dari pelbagai instansi terkait seperti jawatan Badan Pusat Statistik tingkat provinsi, UPZP BMA dan lain-lain yang berkaitan dengan peranan BMA dalam pembangunan industri kecil, sama ada dari segi asas konsepsinya ataupun operasional dan kajian ini menggunakan sumber rujukan kepada sumber asasnya, di mana buku-buku, jurnal atau artikel kontemporari akan disenaraikan bagi mendapatkan maklumat semasa sebagai penyokong serta melengkapi data dalam kajian ini. Sedangkan yang *kedua*, adalah data primer yang diperoleh dari observasi lapangan dan responden terpilih melalui pengajuan soal selidik (berstruktur) dan temu bual tak berstruktur.

Berasaskan kepada pertimbangan tersebut di atas, maka kaedah operasional pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan beberapa metode, iaitu *pertama*, metode observasi, iaitu dengan cara melakukan pencatatan secara cermat dan sistematis terhadap objek yang akan diamati secara langsung sehingga data yang diperoleh tidak luput dari pengamatan.⁵³ *Kedua*, pengajuan daftar isian soal selidik kepada responden, kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang dipilih secara kuota yakni sampel yang diambil daripada kumpulan yang telah dipilih.⁵⁴

Ketiga, metode temu bual tak berstruktur, iaitu mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden.⁵⁵ Hasil yang diperoleh daripada sesi temu bual

⁵³ Muhammad Teguh (2001), *Metodelogi Penelitian Ekonomi: Teori dan Aplikasi*, c. 1. Jakarta: Raja Grafindo Perkasa, h. 133.

⁵⁴ Masri Singarimbun dan Sofian Effendi (1989), *Metode Penyelidikan Survey*, c. 1. Jakarta: LP3ES, h. 192.

⁵⁵ *Ibid.* lihat juga Che Zarrina Sa'ari (2009), "Kaedah Penyelidikan Lanjutan", (Kertas kursus, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 22 Julai 2009), h. 3-6.

tersebut dapat memberikan manfaat dan kefahaman yang mendalam⁵⁶ tentang peranan BMA terhadap pembangunan industri kecil. Responden-responden yang di temu bual adalah kepada En. Amrullah, Ketua Baitul Mal Aceh secara formal dan kepada Puan Muaffat binti Musa, Manager Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP) BMA secara formal serta daripada beberapa usahawan itu sendiri sebagai maklumat dari luar institusi untuk data tambahan dalam penyelidikan ini.

Temu bual bersama pengerusi BMA dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kewujudan BMA sebagai institusi pentadbir harta agama yang bertanggungjawab terhadap segala aktiviti zakat di Aceh. Selain itu, ia dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan keupayaan BMA dalam mempergiat aktiviti zakat produktif yang memainkan peranannya mengurangi kemiskinan dalam masyarakat. Manakala temu bual dengan Manager UPZP BMA adalah bertujuan untuk mengetahui secara terperinci mekanisme pengagihan modal usaha (zakat produktif) dan mengetahui strategi menghadapi segala cabaran atau ancaman yang berdepan dengan pengerusi UPZP BMA. Manakala temu bual kepada usahawan (*mustahik*) bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan peranan BMA dalam mentadbir zakat secara produktif.

Keempat, arkib atau dokumen, iaitu data sekunder yang diperlukan guna menganalisis peranan agihan zakat produktif oleh institusi Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil. Di antaranya adalah data yang di dapati daripada UPZP BMA adalah data agihan zakat untuk modal usaha pada sektor perniagaan, pertanian, penternakan dan sewa beli beca.

⁵⁶ Josep, A. Maxwell (1996), *Qualitatif Research: Design An Interview Approach*. California: Saga publication, h. 81-83 dan Jane F. Gilgun (ed.) (1996), *Qualitative Methods in Family Research*. London: Saga Publication, h. 43-45.

1.9.4 Populasi dan Kaedah Pengambilan Sampel

Dalam memenuhi keperluan akan data primer, sebelum penentuan sampel maka akan ditentukan terlebih dahulu objek penyelidikan yang menjadi populasi dalam penyelidikan ini. Populasi⁵⁷ dalam penyelidikan ini adalah kelompok masyarakat yang tergolong *mustahik*, terdiri dari kaum fakir miskin yang bekerja sebagai pengusaha industri kecil dan bermukim di wilayah Banda Aceh dan Aceh Besar dan sebagai penerima agihan modal usaha zakat produktif untuk pengembangan industri kecil. Industri kecil ini, menurut pengerusi UPZP BMA dibahagi kepada empat bidang usaha, iaitu sektor perniagaan, pertanian, penternakan dan sewa beli beca. Adapun jumlah populasi penerima modal usaha zakat produktif bagi pembangunan industri kecil di kawasan Aceh Besar dan Banda Aceh, dapat kita lihat dalam pada Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 : Populasi Penerima Modal Usaha Zakat Produktif sampai dengan Disember 2009

No.	Negeri dan Bandar	Bidang Usaha / Jenis Industri Kecil				Jumlah
		Perniagaan	Pertanian	Penternakan	Sewa Beli Beca	
1.	Aceh Besar	311	113	102	9	555
2.	Banda Aceh	512	41	-	6	559
	Jumlah	823	154	102	15	1,094

Sumber: UPZP BMA

Mengingat besarnya jumlah populasi, maka perlu dilakukan pengambilan sampel⁵⁸ untuk menentukan responden mewakili dengan cara menggunakan metode *purposive sampling*. *Purposive sampling* adalah kaedah pengambilan sampel secara *non*

⁵⁷ Populasi adalah keseluruhan subjek penyelidikan. Suharsimi Arikunto (2002), *Manajemen Penelitian*. Jakarta: Rineka Cipta, h. 108.

⁵⁸ Sampel merupakan suatu bahagian dari populasi. Hal ini mencakupi sejumlah anggota yang dipilih dari populasi. Dengan demikian, sebahagian elemen dari populasi merupakan sampel. Uma Sakaran (2000), *Research Methods for Business: A Skill Building approach*, e. 3. New York: John Willey and Sons, h. 49.

probability sampling dengan kaedah *judgment sampling*. *Judgment sampling* atau *purposive sampling* adalah kaedah penentuan sampel yang diasaskan atas kriteria atau pertimbangan tertentu yang telah dibuat terhadap objek yang sesuai dengan tujuan penyelidikan,⁵⁹ iaitu para *mustahik* fakir miskin yang bertempat tinggal di wilayah Kota Banda Aceh dan Aceh Besar yang bekerja sebagai pengusaha industri kecil sama ada usaha di sektor perniagaan, pertanian, penternakan mahupun sewa beli beca dan telah menerima agihan modal usaha zakat produktif dari Baitul Mal Aceh. Selain itu pada tingkat usia antara 25 – 55 tahun dan memiliki status ekonomi menengah ke bawah. Besarnya sampel yang ditentukan iaitu berjumlah 115 orang *mustahik*. Selanjutnya, didistribusikan ke beberapa lokasi di Banda Aceh yang mencakupi Pasar Pagi Setui, Pasar Pagi Kampung Ateuk Pahlawan, dan Pasar Pagi Ulee Kareng. Sedangkan di wilayah Aceh Besar mencakupi Kampung Teu Dayah Kuta Malaka dan Kampung Tanjung Deah Darussalam, sehingga masing-masing lokasi memperoleh kuota 23 sampel responden yang ditilik. Setelah mengambil masa selama 1 bulan 6 hari, sebanyak 115 borang soal selidik telah diagihkan kepada responden dan yang dapat dipulangkan sebanyak 102 borang soal selidik (88.7%), selebihnya (11.3%) tidak dapat dipulangkan. Jadi jumlah pengambilan sampel yang berhasil ditentukan adalah sebanyak 102 responden.

Bentuk soalan yang digunakan adalah soalan tertutup (*close-ended question*) dan soalan terbuka (*open-ended question*). Soalan tertutup (*close-ended question*) adalah bentuk soalan yang disertai dengan jawapan yang telah disediakan. Ia bertujuan untuk memberikan kebebasan kepada responden memilih jawapan yang bersesuaian dengannya. Manakala cara soalan terbuka (*open-ended question*) adalah bentuk soalan

⁵⁹ A. Parasuraman (1991), *Marketing Research*, e. 2. New York: Addison Wesley Publishing Company, h. 55.

yang dibuat bagi memberikan kebebasan kepada responden menilai suatu permasalahan mengikut pendapat dan analisisnya terhadap soalan yang dikemukakan.

Soalan selidik yang berbentuk soalan tertutup mencakupi tiga bahagian utama. Bahagian A berkaitan dengan maklumat peribadi responden, jantina, umur, status responden, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan dan jumlah tanggungan responden dalam keluarga. Soalan B adalah soalan agihan zakat produktif untuk modal usaha. Ia terdiri daripada dua bahagian, iaitu B.1 dan B.2. Soalan dalam bahagian B.1, melihat bentuk, jenis dan jumlah agihan modal usaha zakat produktif serta kesan responden selepas menerima agihan modal usaha zakat produktif. Bahagian B.2 pula melihat peranan BMA terhadap pembangunan industri kecil. Soalan pada bahagian C merupakan beberapa pernyataan penulis yang mencakup lima soalan yang dibentuk bagi melihat keupayaan BMA terhadap pelbagai persoalan dan cabaran dalam memainkan peranannya terhadap pembangunan industri kecil. Soal selidik yang berbentuk soalan terbuka terdapat pada Bahagian D. Pada bahagian ini responden dapat memberikan pandangan mereka secara bebas tentang hal-hal yang patut dilakukan BMA bagi aktiviti zakat produktif dalam kaitannya dengan pembangunan industri kecil, serta pelbagai cadangan lain yang diharapkan dari responden selain daripada pembangunan industri kecil yang dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat miskin yang lebih baik.

1.9.5 Kaedah Analisis Data

Adapun kaedah analisis data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kaedah analisis data kualitatif, deskriptif dan eksploratif yang mencakupi pengelompokan data, deskripsi dan pengambilan kesimpulan. Sementara itu, kaedah

analisis kuantitatif digunakan untuk memperoleh data-data dalam bentuk jadual dan peratusan dengan menggunakan *Descriptive Frequences* melalui sistem *Statistical Product and Service Solution (SPSS)*. Kaedah tersebut dilakukan bagi menggambarkan keadaan sebenar praktikal pentadbiran zakat produktif yang dilaksanakan oleh BMA. Selain itu, untuk mendedahkan kualiti dan kelayakan kewujudan BMA serta dapat menyumbangkan perakuan strategis terhadap program pembinaan pentadbiran zakat produktif yang memiliki asas dan fakta yang boleh dipertanggungjawabkan dalam pembangunan masyarakat miskin khasnya dalam pembangunan industri kecil di masa hadapan, maka akan diterapkan juga pendekatan analisis *Matriks SWOT (strength, weakness, opportunity, threats)* yang dikembangkan oleh *Kearns* dan instrumen analisis SWOT secara kuantitatif yang dikembangkan oleh *Pearce* dan *Robinson*.⁶⁰ Untuk ini, pembahasannya dilakukan secara kualitatif deskriptif, iaitu menggunakan data rujukan, baik secara literatur-literatur kepustakaan mahupun artikel-artikel lain yang berhubungan.

Tujuan pendekatan analisis model *Matriks SWOT* ini adalah untuk melihat secara umum sejauh mana kekuatan dan kelemahan yang ada pada BMA, supaya BMA di masa yang akan datang lebih mampu untuk terus menyumbang dan menilai faktor-faktor ancaman yang perlu dihadapi serta melihat peluang-peluang lebih besar untuk membangunkan ekonomi umat Islam.

Analisis *Matriks SWOT* adalah pengenalan pelbagai faktor secara sistematik untuk merumuskan strategi suatu institusi atau organisasi. Analisis ini diasaskan pada logik yang dapat memaksimumkan kekuatan, dan peluang, namun secara bersamaan

⁶⁰ M. Ismail Yusanto dan M. Karebet Widjajakusuma (2003), *Manajemen Strategis Perspektif Syariah*, c. 1. Jakarta: Khairul Bayan, h. 29.

dapat meminimumkan kelemahan dan ancaman yang ada di lingkungan dalaman (*internal*) dan luaran (*external*) suatu institusi atau organisasi.⁶¹ Dalam Jadual 1.2 berikut akan dijelaskan model analisis Matrik SWOT.

Jadual 1.2: Model Analisis Matriks SWOT

<i>INTERNAL</i>	<i>STRENGTH (S)</i> Faktor-faktor Kekuatan	<i>WEAKNESS (W)</i> Faktor-faktor Kelemahan
	<i>EXTERNAL</i>	
<i>OPPORTUNITY (O)</i> Faktor-faktor Peluang	<i>STRATEGI SO</i> Ciptakan strategi yang menggunakan kekuatan untuk memanfaatkan peluang	<i>STRATEGI WO</i> Ciptakan strategi yang meminimumkan kelemahan untuk memanfaatkan peluang
<i>THREATS (T)</i> Faktor-faktor Ancaman	<i>STRATEGI ST</i> Ciptakan strategi yang menggunakan kekuatan untuk mengatasi ancaman	<i>STRATEGI WT</i> Ciptakan strategi yang meminimumkan kelemahan dan menghindari ancaman

Sumber: Freddy Rangkuti, 2005 & Hisyam, 1998.

1.10 Pecahan Bab

Pecahan bab yang dipaparkan dalam penulisan ini secara garis besar terdiri dari lima bab, dimulai dari bab pendahuluan yang dimulakan dengan menjelaskan pengenalan kajian serta pentingnya kajian ini. Kemudian dilanjutkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, landasan teori, metodologi kajian yang mencakupi skop kajian, definisi operasional, sumber data dan kaedah pengumpulan data, populasi dan kaedah pengambilan sampel, serta pecahan bab.

⁶¹ Freddy Rangkuti (2005), *Analisa SWOT Teknik Membedah Kasus Bisnis*. Jakarta: PT. Gramedia, h. 31.

Bab dua, penulis berusaha untuk membincangkan tentang penggunaan dana zakat dalam Islam dan konsep pembangunan industri kecil. Bermula dengan pengenalan, pengertian zakat, asas hukum zakat, hikmah dan manfaat zakat, dan harta sebagai sumber zakat yang merangkumi sumber-sumber perolehan zakat serta pensyaratan zakat yang menjadi objek zakat. Selanjutnya pengagihan zakat, penggunaan zakat secara produktif yang mencakupi definisi zakat produktif, landasan zakat produktif, pandangan para cendekiawan tentang zakat produktif, dan instrumen-instrumen zakat produktif. Kemudian huraian konsep pembangunan industri kecil yang mencakupi pengenalan dan definisinya, klasifikasi industri kecil, kelebihan industri kecil, peranan dan permasalahan industri kecil, pembinaan dan pembangunan industri kecil yang merangkumi prosedur, pelaksanaan dan institusi penyokong. Seterusnya konsep usahawan, konsep usahawan asnaf, model pembangunan usahawan asnaf, pembangunan dan perkembangan usahawan asnaf industri kecil di BMA dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab tiga, membincangkan tentang latar belakang kawasan kajian dan profil Baitul Mal Aceh, bermula dengan pengenalan, latar belakang wilayah Aceh yang mencakupi sekilas pandang sejarah, lokasi dan luasnya, geografi, sungai dan iklim, pemerintahan, jumlah penduduk dan taraf pendidikan, kemiskinan dan kondisi sosial yang meliputi pengertian dan piawaiian pengukuran kemiskinan, tingkat kemiskinan penduduk Aceh, tingkat pendapatan per kapita dan inflasi, serta sumber pendapatan. Kemudian akan di bahas mengenai profil BMA yang mencakupi latar belakang, visi dan misi, program-program BMA. Seterusnya penubuhan unit pentadbiran zakat produktif dan struktur organisasi BMA yang ditutup dengan kesimpulan.

Bab empat, merupakan bab penentu dalam penulisan disertasi ini iaitu berupa analisis peranan agihan zakat produktif terhadap pembangunan industri kecil di BMA yang bermula dengan pengenalan, realisasi agihan zakat produktif di BMA yang mencakupi kriteria dan proses pemilihan usahawan asnaf, bentuk agihan zakat produktif, dana pengagihan dan dana pulangan, serta pengawasan dan bimbingan. Seterusnya peranan dan sumbangan BMA dalam pembangunan industri kecil yang mencakup profil responden dari segi demografi dan ekonomi, pengaruh agihan modal usaha zakat produktif dan peranan BMA. Kemudian akan dianalisis bahagian dalaman dan luaran institusi melalui kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran BMA terhadap pembangunan industri kecil. Kemudian di bahas strategi dan penyelesaian alternatif BMA terhadap pembangunan industri kecil yang merangkumi, memanfaatkan kekuatan dan peluang, mengatasi kelemahan dan menghilangkan ancaman serta ditutup dengan kesimpulan.

Bab lima, merupakan kesimpulan daripada keseluruhan pembahasan dalam kajian ini iaitu berkisar kesimpulan dan cadangan yang dapat dikesan melalui kajian pada bab-bab yang lepas. Matlamatnya untuk membuat kesimpulan bagi membuktikan peranan BMA terhadap pembangunan industri kecil dengan agihan modal usaha zakat produktif. Di samping itu memberikan cadangan-cadangan yang dianggap berguna dan membangun.